

06/09/1997

Pemikir Islam perlu kaji pandangan PM

GOLONGAN pemikir Islam perlu mengkaji idea dan pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai peranan Islam dalam pembangunan moden di negara ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata golongan pemikir dan umat Islam tidak patut terbelenggu dengan memberi perhatian kepada hal berupa 'ritual' yang lebih penting berkaitan intipati ajaran Islam.

"Pandangan Presiden adalah suatu pandangan yang mencabar fikiran sesiapa yang memikirkan hal kemajuan bangsa, peranan agama bagi orang Melayu serta pemerintahan dan pembangunan negara pada masa depan.

"Ucapan itu perlu dilihat secara objektif daripada seorang pemimpin negara yang sudah semestinya ada pandangan itu akan dijadikan sebagai landasan, panduan dan pedoman dalam rancangan yang hendak kita lakukan untuk membangunkan orang Islam dan negara masa akan datang.

"Mungkin ada pihak yang tersinggung dengan pandangan ini kerana ia diucapkan secara tegas dan keras," katanya sambil meminta golongan itu berfikir secara objektif serta memahami permasalahan dan cara mengatasinya.

Abdullah berkata, Dr Mahathir dalam ucapannya turut memberi penekanan kaitan Islam dengan nasionalisme Melayu.

"Dahulu orang fikir nasionalisme Melayu itu hanya suatu yang ada hubung kait dengan soal etnik iaitu orang Melayu sahaja tetapi nasionalisme Melayu kini tidak boleh dipisahkan daripada Islam kerana orang Melayu beragama Islam.

"Oleh itu, kalau Islam itu agama orang Melayu maka apakah peranan Islam bagi orang Melayu dan negara?" Katanya sambil menyifatkan pemikiran Perdana Menteri mengenai Islam itu bukan saja relevan kepada orang Melayu malah umat Islam di seluruh dunia.

Sementara itu, Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak berkata ucapan Dr Mahathir mengajak ahli Umno memberi penekanan kepada isu utama dan mengetepikan isu luaran dalam membangunkan sebuah tamadun Islam yang berjaya.

Beliau yang juga Menteri Pendidikan, berkata ucapan Perdana Menteri turut mengingatkan ahli supaya tidak kehilangan panduan dan sentiasa mengekalkan nilai murni dalam kehidupan seharian.

"Ia memberi satu tema dan tema itu adalah membina tamadun yang berjaya dan presiden parti mengajak kita melihat kepada soal yang lebih besar, soal pokok ... tanpa terbawa-bawa ke soal simbol atau soal luaran saja," katanya.

(END)